

**KONSEP MAQASID SUNNAH MENURUT YUSUF AL-QARADAWI
DALAM KITAB *KAYFA NATA'ĀMAL MA'A
AL-SUNNAH AL-NABAWIYYAH***

1055

ABDUL HADI AWANG

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

abdulhadi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Permasalahan maqasid telah dibincangkan oleh para ulama terdahulu seperti al-Ghazālī, Ibn 'Asyūr dan selainnya. Namun perbincangan tersebut lebih kepada maqasid al-Quran dan maqasid shari'ah manakala perbincangan berkaitan maqasid sunnah adalah sangat sedikit. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan dan mengeluarkan konsep maqasid sunnah menurut ulama kontemporari Yusuf al-Qaradawi melalui bukunya Kayfa Nata'āmal Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui analisis teks buku. Dapatan kajian ini sangat penting kepada para pengkaji dan pembaca hadis untuk lebih memahami tujuan sebenar sesuatu hadis itu disampaikan oleh baginda Rasulullah SAW.

Kata kunci: Maqasid sunnah, Yusuf al-Qaradawi, Kayfa Nata'āmal Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah.

1.0 PENGENALAN

Konsep maqasid sunnah adalah satu istilah yang baru digunakan akhir-akhir ini oleh ulama-ulama kontemporari walaupun perbicaraan maqasid secara umum telah banyak dibicarakan oleh para ulama sebelum ini. Kebanyakan ulama memfokuskan kepada penulisan maqasid shari'ah (Rizalman, 2016) berbanding maqasid-maqasid yang lain. Imam Ghazālī (1111 M) merupakan pembuka ruang kepada penulisan maqasid shari'ah melalui penulisan beliau berkaitan maqasid al-quran dalam kitab *Jawāhīr al-Qur'ān* (Yusuf, 1994). Setelah itu Ibn 'Asyūr (1973 M) telah mengarang sebuah kitab yang sangat berharga sehingga menjadi rujukan utama dalam maqasid shari'ah iaitu *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*.

Perbincangan maqasid sunnah secara istilahnya seperti tidak pernah ditulis dalam penulisan sebelum ini melainkan Dr. Ahmad al-Raysūnī dalam bukunya *Maqāṣid al-Maqāṣid al-Ghāyāt al-'Ilmiyyah wa al-'Amaliyyah li Maqāṣid al-Sharī'ah*. Jika ada yang membincangkannya sebelum ini, masih berlandung di bawah maqasid shari'ah seperti perbincangan maqasid ibadah daripada perspektif sunnah dan sebagainya.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan mengeluarkan konsep maqasid sunnah menurut ulama maqasid kontemporari Dr. Yusuf al-Qaradawi melalui bukunya *Kayfa Nata'āmal Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Konsep maqasid sunnah ini penting untuk diaplikasikan kepada hadis-hadis Nabi SAW bagi memahami sesuatu hadis dengan tepat.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui analisis teks buku. Data yang telah diambil daripada buku akan dianalisis melalui kaedah kajian teks.

4.0 ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Maqasid sangat penting untuk dikaji kerana maqasid adalah ruh kepada amalan. Bahkan teori ini terpakai untuk semua perkara yang dilakukan oleh umat Islam. Setiap perkara perlu kepada ruhnya seperti ruh al-Quran adalah maqasidnya. Begitu juga ruh al-Sunnah itu adalah maqasidnya (al- Raysūnī, 2013).

Maqasid Shari‘ah pada hakikatnya sangat berpegang kuat dengan nas al-Quran dan al-Sunnah. Maqasid yang terbentuk merupakan hasil kajian dan penelitian yang mendalam terhadap nas-nas secara zahir dan batin, lafaz dan maksud dan *kuliyah* dan *juz’iyyah* (al-Raysūnī, 2013). Maqasid dan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah sangat berkait rapat tanpa ada pemisahan dalam memahami kedua-duanya.

Maqasid Sunnah pada umumnya adalah sama dengan maqasid al-Quran kerana maqasid Sunnah tidak lebih daripada mengulang, menguatkan dan menjelaskan apa yang dimaksudkan oleh maqasid al-Quran secara umum. Namun, secara khusus terdapat perbezaan antara maqasid al-Quran dan maqasid Sunnah iaitu berkaitan tentang maqasid Sunnah secara khusus dan praktikal.

Terdapat beberapa perkara penting dalam untuk memahami sunnah yang digariskan oleh al-Qaradawi, namun memahami maqasid Sunnah adalah sangat penting bagi memahami konsep sunnah dengan tepat tanpa tersasar dari matlamat Sunnah itu sendiri.

Memahami Hadis Berdasarkan Kepada Asbab Wurud, Kaitannya Dan Maqasidnya.

Dr. Yusuf al-Qaradawi menggariskan tiga perkara dalam memahami hadis dengan kefahaman yang benar tanpa menyebutkan maqasid Sunnah dengan jelas iaitu memahami asbab wurud, kaitannya dan maqasidnya. Ini kerana setiap hadis mempunyai maqasid-maqasid khusus tertentu. Kajian yang mendalam akan mendapati maqasid hadis adalah menjaga keadaan zaman tertentu dengan mengukuhkan masalah yang dibenarkan, mencegah kerosakan tertentu atau menyelesaikan permasalahan yang terjadi pada waktu tersebut.

Kefahaman terhadap asbab wurud sangat penting kerana hadis bertujuan menyelesaikan permasalahan khusus, yang melibatkan perincian tertentu tidak seperti al-Quran yang mengandungi prinsip dan pengajaran yang bersifat umum dan kekal. Maka perlu dibezakan hadis yang bersifat umum atau khusus, kekal atau sementara, *kulli* atau *juz’i* kerana setiap satunya mempunyai hukum-hakam yang tersendiri.

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ
صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى الْعَبْدِ وَالْحُرِّ وَالذَّكْرِ وَالْأُنْثَى وَالصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ مِنَ
الْمُسْلِمِينَ وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ

Diriwayatkan daripada Ibn Umar RA, beliau berkata: "Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah iaitu satu gantang daripada kurma, atau satu gantang daripada sya'ir (gandum), ke atas setiap hamba, merdeka, lelaki, wanita, kecil dan besar daripada kaum muslimin. Baginda juga memerintahkan agar ia ditunaikan sebelum manusia keluar menunaikan solat (sunat Aidul Fitri).

(Riwayat al-Bukhari)

Sebagai contoh ialah pengeluaran zakat fitrah. Baginda SAW menyuruhkan untuk mengeluarkan zakat fitrah selepas solat subuh sehingga sebelum solat hari raya. Waktu yang ada pada zaman tersebut adalah mencukupi untuk mengeluarkan zakat dan menyampaikan kepada orang yang berhak menerimanya. Apabila tiba zaman sahabat, masyarakat Islam semakin besar dan luas menyebabkan waktu yang ada adalah tidak mencukupi. Maka para sahabat mengeluarkan ketetapan baru ialah zakat fitrah mesti dibayar sehari atau dua hari sebelum masuk hari raya bagi memudahkan urusan pengumpulan dan pembahagian zakat.

Manakala pada zaman para imam mazhab, waktu mengeluarkan zakat diperluaskan lagi kepada pertengahan Ramadan seperti dalam mazhab Hambali bahkan diharuskan bermula satu Ramadan mengikut mazhab Syafie.

Zakat fitrah juga tidak dihadkan hanya pada makanan yang dinaskan oleh baginda SAW bahkan diqiaskan kepada makanan asasi mengikut sesuatu tempat mengikut pandangan ulama mazhab sehingga ada yang membolehkan mengeluarkan zakat dalam bentuk nilai wang jika itu adalah lebih bermanfaat kepada orang miskin mengikut pandangan mazhab Abu Hanifah. Mungkin itu adalah lebih bermanfaat kerana matlamatnya adalah untuk menjadikan mereka kaya pada hari raya. Ini adalah cara meraikan matlamat sebenar Sunnah dan inilah yang dinamakan feqah yang sebenar.

5.0 KESIMPULAN

Mengetahui maqasid Sunnah sangat penting dalam memahami maksud sebenar sesuatu hadis untuk diamalkan. Kesan tidak memahami maqasid Sunnah akan menyebabkan hilangnya hikmah dan tiada faedahnya sesuatu hadis itu. Di samping itu, ketidakfahaman tentang maqasid Sunnah akan menyebabkan seseorang menggunakan hadis secara salah dengan meletakkannya bukan pada tempatnya yang menyebabkan kepada kemudaratan dan kebinasaan.

RUJUKAN

- Dr. Yusuf al-Qaraḍāwī. 2002. *Kayfa Nata'āmal Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Kaherah: Dar al-Shurūq.
- Dr. Ahmad al-Raysūnī. 2013. *Maqāṣid al-Maqāṣid al-Ghāyāt al-'Ilmiyyah wa al-'Amaliyyah li Maqāṣid al-Sharī'ah*. Beirut: al-Shabkah al-'Arabiyyah li al-Abhās wa al-Nashr.
- Rizalman Muhammad. 2016. *Maqasid Ibadah Haji Dalam Perspektif Sunnah: Kajian Terhadap Kefahaman Dan Amalan Jemaah Haji Malaysia*. Tesis Phd Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Yusuf Hamid al-'Alim. 1994. *Al-Maqāṣid al-'Ammah Li al-Sharī'ah al-Islamiyyah* , ed. ke-2. al-Ma'had al-'Alami Li al-Fikr al-Islami.